

JAWAPAN IMPAK A+ BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 BAHAGIAN 2, 3 & 4

BAHAGIAN 2: RUMUSAN DAN PETIKAN UMUM

Praktis Pendahuluan Rumusan

Praktis 1

Fokus Pertama Soalan: langkah-langkah menghadapi tekanan ketika peperiksaan
Fokus Kedua Soalan: peranan ibu bapa untuk mengurangkan tekanan

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan usaha/ cara/ kaedah/ strategi/ tindakan menghadapi tekanan ketika peperiksaan dalam kalangan murid / di negara ini/ di Malaysia.

Praktis 2

Fokus Pertama Soalan: faktor-faktor jenayah pemerdagangan manusia
Fokus Kedua Soalan: implikasinya kepada negara

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan sebab-sebab/ punca-punca jenayah pemerdagangan manusia di negara ini/ di Malaysia.

Praktis 2

Fokus Pertama Soalan: faedah-faedah menderma darah
Fokus Kedua Soalan: langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah

Pendahuluan Lengkap: Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ manfaat menderma darah dalam kalangan masyarakat di negara ini / di Malaysia.

Praktis 1: Punca Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan sebab berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja di Malaysia.

Isi Tersurat:

- S1 Tidak mempunyai **didikan agama dan moral**.
- S2 Ibu bapa tidak memberikan perhatian menyebabkan remaja **terjerumus** dengan gejala sosial.
- S3 Keluarga yang terlalu **mewah** cara hidupnya.
- S4 **Hubungan kekeluargaan** yang tidak teratur.
- S5 Pengaruh **rakan sebaya**.
- S6 Masyarakat yang **tidak mengambil berat** tentang permasalahan remaja.
- S7 Pengaruh **media massa** terhadap para remaja.
- S8 **Tekanan** yang dihadapi oleh remaja di sekolah.
- S9 Belum cukup **matang** untuk berfikir tentang akibat jenayah.
- S10 Ibu bapa **menyerahkan bulat-bulat** tanggungjawab mendidik anak kepada guru.

Isi Tersirat:

- T1 Kursus motivasi bagi murid bermasalah.
- T2 Kaunselor mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- T3 Guru lebih memberikan perhatian terhadap murid bermasalah.
- T4 Mengadakan aktiviti yang boleh menarik minat.

Penutup: Kesimpulannya, masyarakat perlu membantu kerajaan mengatasi masalah gejala sosial yang berlaku **agar/supaya** barisan kepimpinan negara berkualiti dapat dilahirkan.

Pemahaman

- (i) Rangkai kata *sukar diramal* membawa maksud susah untuk diduga.
- (ii) Usaha yang dilakukan oleh ibu bapa untuk membendung gejala sosial adalah dengan bertanggungjawab memberikan perhatian yang serius terhadap anak-anak mereka. Selain itu ibu bapa hendaklah menghabiskan masa bersama-sama anak mereka dengan memberikan keyakinan, keberanian, mewujudkan sikap positif terhadap masalah, emosi dan keputusan. Akhir sekali, ibu bapa juga perlu meningkatkan penghayatan anak-anak terhadap agama. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebaya **kerana** tidak mahu kehilangan persahabatan yang begitu akrab dan bimbang diri akan dipulaukan apabila bersama-sama kumpulan yang lebih besar. Selain itu, mereka begitu yakin dengan kata-kata rakan sebaya **kerana** sudah lama berkenalan tanpa memikirkan rakan sebaya mungkin berniat buruk. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 2 Manfaat Amalan Menabung

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / keuntungan / faedah / kepentingan amalan menabung masyarakat Malaysia.

Isi Tersurat:

- S1 Menabung akan mendapat **keuntungan**.
- S2 Mendidik kita sentiasa **berjimat cermat**.
- S3 Membantu kita ketika **kecemasan** yang memerlukan wang.
- S4 Menabung dapat mengawal **inflasi**.
- S5 Membolehkan merencana masa depan dengan **ekonomi** yang kukuh.
- S6 Limpahan nikmat apabila hendak melanjutkan pelajaran ke **menara gading**.
- S7 Pendapatan bulanan dapat dibelanjakan untuk **kehidupan lebih baik**.
- S8 Dijadikan **instrumen** mempersiapkan diri menghadapi sebarang kemungkinan.
- S9 Wahana **mendisiplinkan keluarga**.
- S10 Menjana **kestabilan** ekonomi seseorang individu.

Isi Tersirat:

- T1 Gagal mengawal perasaan ketika berbelanja.
- T2 Mahu bersaing dengan orang lain.
- T3 Terdidik hidup bermegah-megah.
- T4 Lebih mengutamakan barangan berjenama.

Penutup: Kesimpulannya, kita perlu berbelanja berdasarkan kemampuan **agar/supaya** masa depan kita lebih terjamin.

Pemahaman

- (i) Rangkai kata *mentaliti kebergantungan* bermaksud cara berfikir yang mengharap pertolongan.
- (ii) Sikap negatif orang yang kehabisan wang akibat berbelanja tidak berhemat ialah mereka meminjam daripada saudara-mara. Selain itu, mereka merasakan ada orang yang akan membantu apabila dalam keadaan susah. Seterusnya, mereka sanggup meminta bantuan dengan badan kebajikan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Sikap masyarakat yang gemar berbelanja habis-habisan ketika menyambut hari perayaan sukar diatasi **kerana** pada hari tersebut rumah akan dikunjungi tetamu dan mereka mahu rumah kelihatan cantik, bersih, dan menarik agar tidak menjadi celaan. Seterusnya, sejak awal sudah ada peruntukan perbelanjaan tahunan untuk dibelanjakan ketika hari perayaan **agar** majlis yang diraikan lebih meriah. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 3 Usaha Membendung Tabiat Merokok

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / formula / kaedah / strategi membendung tabiat merokok dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Memperbanyak **zon larangan merokok**.
- S2 **Menaikkan harga rokok**.
- S3 Pelbagai **kempen** dijalankan.
- S4 **Ceramah mahupun iklan** itu hendaklah dinyatakan tentang bahayanya merokok.
- S5 **Semangat dan mendisiplinkan diri** untuk berhenti merokok.
- S6 Perokok **berpuasa** sebagai cara mengawal nafsu daripada keinginan merokok.
- S7 Memberikan **hadiah** kepada diri sendiri sekiranya berjaya berhenti merokok.
- S8 Melakukan aktiviti **sukan**.
- S9 Perokok menyertai **program-program sukarela**.
- S10 Sekolah hendaklah **mengadakan program** untuk menghentikan tabiat merokok.

Isi Tersirat:

- T1 [Isi Tersirat Terikat] [S1] Perokok tegar merokok di kawasan larangan merokok.
- T2 [S2] Perokok membeli rokok seludup yang lebih murah.
- T3 [S5] Tidak mematuhi disiplin untuk berhenti merokok.
- T4 [S9] Perokok tidak mengendahkan program sukarela.

Penutup: Kesimpulannya, sejak awal janganlah kita mencuba perbuatan merokok **agar / supaya** kita tidak terjebak dalam gejala tersebut.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata mendapat iktibar bermaksud memperoleh pengajaran.
- (ii) Faktor yang menyebabkan seseorang itu boleh terpengaruh dengan gejala merokok ialah iklan yang banyak menyebabkan timbul keinginan untuk merokok bagi bukan perokok. Seterusnya, ibu bapa yang merokok menjadi ikutan anak-anak untuk merokok. Selain itu, rakan sebaya turut mempengaruhi anak untuk merokok. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Golongan perokok tegar sukar membuang tabiat merokok **kerana** mereka tidak mempunyai keazaman yang kuat dalam tempoh yang panjang menyebabkan usaha yang dilakukan sering menemui kegagalan. Selain itu, keinginan untuk berhenti merokok terhalang **kerana** rakan sebaya yang merokok menghulurkan rokok ketika bertemu dan bersembang. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 4 Impak Negatif Kedatangan Warga Asing

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kesan buruk kedatangan asing di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Kes jenayah **meningkat** secara mendadak.
- S2 Penyakit berbahaya boleh **merebak** melalui kehadiran ribuan warga asing.
- S3 **Peluang pekerjaan** kepada rakyat tempatan terhad.
- S4 **Pengaliran wang** keluar.
- S5 **Merebut kemudahan awam** yang disediakan oleh kerajaan.
- S6 Menimbulkan **masalah perumahan**.
- S7 **Imej negara** kita akan terjejas di mata pelancong.
- S8 Mengundang **tanggapan buruk** masyarakat terhadap pihak berkuasa.
- S9 **Masyarakat terasa terancam** dan bimbang apabila jumlah mereka begitu ramai.
- S10 **Mengganggu-gugat keselamatan** negara kerana kemungkinan mereka ialah penjenayah.

Isi Tersirat:

- T1 Mengatasi masalah kekurangan pekerja terutamanya sektor perladangan.
- T2 Membantu mempromosikan negara ke pentas dunia.
- T3 Dapat meningkatkan produktiviti negara menerusi pembukaan kilang baharu.
- T4 Pekerja tempatan mencontohi budaya kegigihan mereka bekerja.

Penutup: Kesimpulannya, kerajaan hendaklah mengawal kemasukan pekerja asing **agar / supaya** tidak menimbulkan implikasi buruk kepada masyarakat keseluruhannya.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *tindakan drastik* bermaksud langkah pantas.
- (ii) Warga asing ke Malaysia kerana keadaan ekonomi di negara mereka yang jauh berbeza dengan pertumbuhan positif ekonomi Malaysia. Selain itu, dasar kerajaan yang membuat perjanjian dengan negara-negara serantau. Seterusnya, kedatangan mereka ke Malaysia untuk melepaskan diri daripada ditangkap oleh pihak berkuasa di negara mereka. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Rakyat Malaysia bekerja di luar negara seperti Singapura **kerana** gaji yang ditawarkan agak lumayan berbanding dengan kelulusan dan kemahiran yang dimiliki. Selain itu, mereka mahu mencari pengalaman baharu **untuk** dimanfaatkan apabila bekerja di negara sendiri kelak. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 5 Cara-cara Meningkatkan Kualiti Hidup

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / pendekatan / kaedah / strategi meningkatkan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Isi Tersurat:

- S1 Perlu mengamalkan bentuk pemakanan yang seimbang.
- S2 Menjauhi tabiat merokok dan meminum arak.
- S3 Aktiviti senaman yang berkala menjadikan kehidupan seseorang itu lebih sihat.
- S4 Perlu mengutamakan kebersihan diri pada setiap masa.

- S5 Menjaga kebersihan persekitaran.
 S6 Lebih terbuka dan bersedia untuk berkongsi masalah dengan orang lain.
 S7 Sikap atau mentaliti positif amat penting untuk dimiliki oleh seseorang.
 S8 Pemeriksaan doktor secara berkala.
 S9 Rehat yang mencukupi setelah bekerja.
 S10 Jangan sampai kita terasa stres.

Isi Tersirat:

- T1 [Isi Tersirat Terikat] [S1] Terdapat pelbagai juadah yang menyelerakan.
 T2 [S3] Kesibukan dalam kerjaya telah menghalang untuk bersenam.
 T3 [S5] Masih banyak tempat terutamanya restoran yang masih kotor.
 T4 [S6] Tidak meluahkan masalah kepada rakan kerana bimbang rakan akan menjaja cerita.

Penutup: Kesimpulannya, kita perlu memastikan kualiti hidup menjadi keutamaan **agar / supaya** kehidupan kita lebih sejahtera dan bahagia.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *simptom awal* bermaksud tanda terkena penyakit.
 (ii) Sikap negatif tersebut ialah perokok tegar tidak mendengar nasihat orang lain walaupun keluarga sendiri. Seterusnya, masyarakat yang membuang sampah merata-rata sehinggakan persekitaran begitu jijik untuk dipandang. Selain itu, terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak pernah membuat pemeriksaan doktor. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
 (iii) Masyarakat menganggap kualiti hidup bukan sesuatu yang penting **kerana** fokus golongan tersebut hanya mencari nafkah untuk menyara keluarga. Selain itu, mereka sudah biasa dengan persekitaran yang kurang bersih **menyebabkan** keperluan menjaga kebersihan tidak menjadi keutamaan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 6 Pendekatan Mewujudkan Perpaduan Kaum

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / kaedah mewujudkan perpaduan kaum rakyat Malaysia.

Isi Tersurat:

- S1 **Bersukan** sebenarnya mampu mewujudkan perpaduan kaum.
 S2 Mengadakan aktiviti **gotong-royong**.
 S3 **Ibu bapa boleh mendidik anak-anak** agar berbaik-baik dengan kaum lain.
 S4 Sekolah pula perlu merancang **program yang melibatkan pelbagai kaum**.
 S5 **Meraikan perayaan** pelbagai kaum rakyat Malaysia secara bersama-sama.
 S6 **Majlis Rumah Terbuka Malaysia**.
 S7 **Program hari keluarga** mampu mewujudkan semangat muhibah antara kaum.
 S8 **Sistem pendidikan** merupakan satu usaha mewujudkan perpaduan kaum.
 S9 Kewujudan **Sekolah Wawasan** yang menempatkan tiga jenis sekolah.
 S10 Penggunaan **bahasa Melayu** khususnya melalui sistem pendidikan.

Isi Tersirat:

- T1 Ibu bapa mahu anak bercampur gaul dengan kaum sendiri sahaja.
 T2 Anak memerhatikan ibu bapa hanya berkawan dengan kaum sendiri.
 T3 Tidak memberikan galakan kepada anak agar terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan.
 T4 Ibu bapa suka memburukkan kaum lain di depan anak-anak.

Penutup: Kesimpulannya, kerajaan perlu memastikan perpaduan kaum menjadi fokus utama masyarakat **agar / supaya** perpaduan kaum rakyat Malaysia dapat diperteguh.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *merealisasikan hasrat* bermaksud menjadikan kenyataan sesuatu impian.
 (ii) Impak apabila wujudnya perpaduan kaum ialah kita dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Seterusnya, perpaduan kaum juga dapat mengelakkan semangat perkauman yang hanya mementingkan kaum sendiri. Selain itu, pemimpin negara dapat membangunkan negara dengan mudah. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
 (iii) Apabila aspek perpaduan kaum tidak dititikberatkan oleh kerajaan, perpaduan kaum menjadi goyah **menyebabkan** keharmonian dalam kalangan masyarakat akan tergugat. Selain itu, sistem politik

menjadi tidak stabil **menyebabkan** para pemimpin tidak dapat memberikan fokus terhadap pembangunan negara. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 7 Langkah-langkah Memperkasakan Pembangunan Lestari

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / pendekatan / kaedah memperkasakan pembangunan lestari di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Program **kitar semula** penting dalam menyokong dasar pengurusan alam sekitar.
- S2 Masyarakat digalakkan menggunakan **petrol tanpa plumbum**.
- S3 Menjatuhkan **hukuman berat** terhadap orang yang memusnahkan alam sekitar.
- S4 Kerajaan **menguatkuasakan undang-undang** sedia ada.
- S5 Sekolah hendaklah memperkenalkan **pendidikan alam sekitar**.
- S6 Aktiviti **penanaman semula** perlu dilakukan.
- S7 Pengguna dan pengeluar **mengamalkannya pembangunan lestari**.
- S8 Berhemat dalam penggunaan **elektrik**.
- S9 Menanam sayur-sayuran secara **hidroponik** di sekitar kawasan rumah.
- S10 Masyarakat lebih **bertanggungjawab** terhadap bumi dan alam sekitar.

Isi Tersirat:

- T1 Masyarakat menganggap hal berkaitan dengan alam sekitar tanggungjawab kerajaan.
- T2 Pemaju perumahan lebih mengutamakan keuntungan.
- T3 Pesalah gagal disabitkan hukuman kerana kebijaksanaan peguam bela berhujah.
- T4 Kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar masih rendah.

Penutup: Kesimpulannya, masyarakat perlu mengutamakan pembangunan lestari dalam kehidupan seharian **agar / supaya** alam sekitar berkualiti dapat diwujudkan.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *rakus diterokai* bermaksud gelojoh membangunkan.
- (ii) Pembangunan lestari bertujuan memastikan penerusan penawaran sumber semula jadi pada masa sekarang dan akan datang. Seterusnya, mewujudkan keseimbangan pembangunan manusia dengan alam. Selain itu, kualiti alam sekitar lebih terjamin. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Bencana alam seperti banjir kilat **menyebabkan** kemusnahan dan kerosakan harta benda seperti kenderaan dan barangan rumah, sekali gus masyarakat sukar meneruskan kehidupan. Manakala hasil pertanian akan mati apabila kemarau **menyebabkan** pendapatan petani terjejas. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 8 Ciri-ciri Rakan Sebaya yang Positif

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan sifat-sifat rakan sebaya yang positif dan impak negatif sekiranya melakukan kesilapan dalam memilih rakan sebaya. [Menggunakan kaedah kedua jika sukar untuk melengkapkan ayat].

Isi Tersurat:

- S1 Boleh **berkongsi masalah** dan meluahkan perasaan.
- S2 Sanggup **menangis dan ketawa** bersama-sama.
- S3 **Menghormati ibu bapa** dan orang-orang tua.
- S4 Mudah **bertolak ansur**, sentiasa menjaga hati dan perasaan.
- S5 **Rajin membaca dan bijak** dalam pelajaran.
- S6 Mempunyai **budi pekerti** yang baik dan sahsiah yang terpuji.
- S7 Memiliki **minat dan cita-cita** yang sama.
- S8 Berprinsip dan **teguh jati diri**.
- S9 Memiliki **kecenderungan terhadap agama** dengan menolak perbuatan negatif.
- S10 Mempunyai **wawasan** hidup lebih bermakna.

Isi Tersirat:

- T1 Tidak menipu dalam kata-kata atau perbuatan.
- T2 Membantu kita ketika dalam kesusahan.
- T3 Berfikiran positif terhadap sesuatu isu yang timbul.

T4 Tidak mudah berputus asa apabila menghadapi masalah.

Penutup: Kesimpulannya, sebagai remaja kita perlu memilih rakan sebaya yang memikirkan masa depan **agar / supaya** hidup kita dilimpahi nilai-nilai murni.

Pemahaman

- (i) Rangkai kata *angkara yang memudaratkan* bermaksud perbuatan yang merugikan.
- (ii) Jika kita silap memilih rakan sebaya, kita boleh terjerumus ke lembah yang hina. Jika memilih rakan sebaya yang rosak akhlaknya, kita juga akan terpengaruh dengan akhlak yang rosak itu. Seterusnya, jika memilih rakan yang kurang imannya, kita akan tergelincir daripada landasan orang yang beragama. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Seseengah remaja memilih rakan yang rosak akhlaknya **kerana** mempunyai tabiat yang sama seperti sama-sama menghisap rokok. Selain itu, pujukan dan pengaruh rakan sebaya yang mengutamakan keseronokan begitu besar **sehinggakan** sanggup mengikuti rakan sebaya berlumba motosikal secara haram. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 9 Kelebihan Sukan

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kebaikan / faedah / manfaat / sukan dalam kehidupan masyarakat di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 Sukan sebagai alat mewujudkan **perpaduan rakyat** pelbagai kaum.
- S2 Mewujudkan hubungan **diplomatik** dengan negara lain.
- S3 **Peluang pekerjaan** profesional dan bukan profesional dapat diwujudkan.
- S4 Satu **industri** yang menguntungkan negara.
- S5 Menjadikan tubuh seseorang individu itu **sihat dan cergas**.
- S6 Mampu **meredakan tekanan belajar**.
- S7 Sekolah juga boleh **mencungkil bakat-bakat baharu** dalam bidang sukan.
- S8 Kanak-kanak mencabar **daya pemikiran** yang dimiliki.
- S9 Membentuk sikap **bekerjasama** antara satu sama lain.
- S10 Membentuk **disiplin dan personaliti** diri.

Isi Tersirat:

- T1 Murid lebih mengutamakan akademik berbanding sukan.
- T2 Ibu bapa melarang anak mengikuti latihan sukan yang mengambil masa lama.
- T3 Murid hanya memilih permainan yang diminati sahaja.
- T4 Murid tidak mahu mengikuti latihan walaupun berbakat.

Penutup: Kesimpulannya, kita perlu memanfaatkan kelebihan sukan dalam kehidupan kita **agar / supaya** kita boleh melalui kehidupan yang bahagia.

Pemahaman

- (i) Rangkai kata *puncak yang diidamkan* bermaksud harapan paling tinggi.
- (ii) Bagi mereka yang tidak bersukan, tubuh akan mengalami kegemukan melampau, lalu pelbagai penyakit akan menyerang. Seterusnya, kanak-kanak yang tidak aktif bersukan, minda mereka akan tertutup. Selain itu, tanpa bersukan seseorang itu tidak tahu menghargai masa dan sering bermalasma apabila disuruh. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Pada peringkat awal, kelab akan membentangkan program yang menarik tanpa dikenakan sebarang bayaran **untuk** memikat ahli turut serta dalam aktiviti yang dijalankan. Langkah seterusnya, kelab akan menganjurkan kembara yang lebih mencabar seperti mendaki bukit dan setiap penyertaan akan diberi sijil **agar** ahli teruja mengambil bahagian. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

Praktis 10 Penyebab Berlakunya Penyakit Mental

Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan faktor-faktor / punca-punca berlakunya penyakit mental dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Isi Tersurat:

- S1 **Tekanan hidup** yang semakin mencabar.
- S2 **Ahli keluarga** yang mengalami masalah mental berisiko tinggi untuk terkena.

- S3 Gangguan **bahan kimia** dalam otak menyebabkan berlakunya penyakit mental.
- S4 Akibat **jangkitan virus** telah dikaitkan dengan kemunculan penyakit mental.
- S5 **Sejarah hidup** yang getir.
- S6 Keadaan **sosioekonomi** yang rendah.
- S7 **Tekanan hidup** atau stres banyak dikaitkan dengan penyakit mental.
- S8 **Kecacatan dalaman** atau kecederaan kawasan-kawasan tertentu pada otak.
- S9 Penyalahgunaan **dadah** dalam jangka panjang.
- S10 Orang yang normal apabila berterusan **disisihkan oleh rakan**.

Isi Tersirat:

- T1 Masyarakat membantu mereka yang mengalami penyakit mental.
- T2 Sentiasa berwaspada berhadapan dengan pesakit mental, bimbang akan diserang.
- T3 Majikan memastikan pekerjaanya tidak mengalami stres sewaktu bekerja.
- T4 Ibu bapa mendapatkan rawatan jika ahli keluarga menghidap penyakit mental.

Penutup: Kesimpulannya, kita perlu memastikan diri dalam keadaan sihat dan selamat **agar / supaya** tidak menghidap penyakit mental.

Pemahaman

- (i) Rangkaian kata *imbau trauma* bermaksud kenangan amat mengesankan.
- (ii) Penyakit mental boleh diatasi dengan pendekatan psikoterapi seperti kaunseling dan pendidikan psikologi. Seterusnya, ubat psikoterapi diyakini dapat merawat penyakit mental seperti antidepresi. Selain itu, kita perlu selalu mendampingi orang yang mengalami penyakit mental dengan memberikan pengharapan dan sanggup melayan kerenahnya. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].
- (iii) Untuk mengelakkan stres, kita beriadah dengan rakan-rakan setelah penat belajar **untuk** menenangkan perasaan. Selain itu, kita perlu bijak membahagikan masa untuk belajar dan berehat **agar** diri berasa seronok untuk menghadapi hari-hari mendatang. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan diberi markah penuh].

BAHAGIAN 3 KOMSAS: ANTOLOGI JAKET KULIT KIJANG DARI INSTANBUL

Praktis 1 Syair Bidasari

- (i) Penyair berasa hairan kerana raja perkasa itu tidak pernah merasai kesusahan sepanjang pentadbirannya.
- (ii) Kebijaksanaan pemerintah menyebabkan sumber ekonomi dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan negeri. Selain itu, kebijaksanaan pemikiran menyebabkan sektor pendidikan diberi keutamaan lantas rakyat dapat berfikir, merancang, dan bersama-sama membangunkan negeri. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Pengajaran yang terdapat dalam syair ialah **seorang raja perlu bertanggungjawab dalam menjalankan tugas**, contohnya baginda seorang pemerintah yang bertanggungjawab sehinggakan pentadbirannya menarik perhatian pedagang asing. Seterusnya **seorang suami perlu bersikap jujur terhadap isteri**, contohnya raja seorang suami yang jujur terhadap isterinya yang kini sedang mengandung.

Praktis 2 Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga)

- (i) Penyair menyeru agar kita tidak makan dengan terlalu kenyang supaya dapat mengelakkan diri daripada berkelakuan tidak elok.
- (ii) Jika kita gagal memelihara lidah, kata-kata yang asalnya cuma bertujuan untuk bergurau **menyebabkan** wujudnya salah faham, seterusnya rakan akan tersinggung. Selain itu, jika kita memfitnah tentu akan **menyebabkan** putusnya hubungan silaturahim. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Nilai murni yang terdapat dalam gurindam ialah **hemah tinggi**, contohnya penyair mengingatkan agar kita menjaga pertuturan daripada bercakap tentang perkara yang negatif. Seterusnya **rasional**, contohnya penyair mengingatkan supaya kita rasional dalam setiap tindakan seperti menjaga mata, telinga, dan lidah dalam setiap tindakan.

Praktis 3 Sajak Sang Gembala Kuda

- (i) Bukti gembala seorang yang bertanggungjawab ialah menerusi tindakannya menghalau kuda-kuda supaya masuk ke kandang dengan menggunakan cemeti. Seterusnya, dia memberi makanan berbentuk jerami dan rumput kepada kudanya yang sedang kelaparan.
- (ii) Sukan berkuda dianggap sukan untuk golongan kaya kerana kos alatan dan bayaran menggunakan kuda amat mahal dan hal ini **menyebabkan** golongan berpendapatan sederhana tidak mampu. Selain itu, tempat aktiviti tersebut hanya wujud di tempat tertentu dan jumlahnya tidak banyak **menyebabkan** kos untuk ke tempat tersebut agak tinggi. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **anafora**, contohnya menerusi ayat “hanya mengenal pantas tunggangan” dan “hanya tahu mengejar kehebatan”. Di samping itu **epifora**, contohnya ayat “dan kuda-kuda itu ditunggangi” dan “ditunggangi dan ditunggangi”.

Praktis 4 Sajak Aku Membaca Lagi

- (i) Apabila penyajak menelusuri pantai, penyajak terdengar kicauan burung. Penyajak juga mendengar desiran ombak. Akhir sekali penyajak melihat warna pelangi. [Pilih dua isi sahaja].
- (ii) Untuk memartabatkan bahasa Melayu, kerajaan sewajarnya mewajibkan setiap majlis rasmi menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya **agar** diikuti oleh masyarakat. Selain itu, papan tanda, poster, dan maklumat perlu menggunakan bahasa Melayu yang betul dengan **menjadikan** Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai tempat rujukan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan daripada sajak ialah **persoalan mengakui kebesaran Tuhan**, contohnya penyajak melihat ke arah langit lalu membayangkan kebesaran Tuhan yang mencipta keindahan awan biru sambil menikmati hembusan angin dan melihat keindahan gunung. Seterusnya **persoalan kebesaran alam ciptaan Tuhan**, contohnya penyajak memerhatikan alam semula jadi seperti mendengar kicauan burung dan desiran ombak serta melihat keindahan pelangi.

Praktis 5 Sajak www.sibermerdeka.com.my

- (i) Penyajak semakin matang apabila tidak berasa cemas terhadap kata-kata yang mengekanginya. Malah, penyajak tidak cemas terhadap kata-kata yang menyeranginya.
- (ii) Sekiranya kita menghadapi masalah yang sukar diatasi, kita perlu berbincang dengan orang yang berpengalaman seperti guru kaunselor atau ibu bapa **untuk** mencari jalan penyelesaian yang paling baik. Seterusnya kita harus berdoa kepada Allah SWT semoga diberi lorong **untuk** mencari jalan penyelesaian. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Pengajaran yang terdapat dalam sajak ialah **kita perlulah berani menghadapi cabaran**, contohnya penyajak mempunyai keberanian berdepan dengan dugaan dan rintangan yang menguji kesabaran dan keimanannya. Seterusnya **kita hendaklah berkeyakinan menyelesaikan masalah**, contohnya penyajak berkeyakinan mencari jalan penyelesaian dengan kebijaksanaannya berkata-kata agar kehidupannya tidak mudah dipergunakan.

Praktis 6 Sajak Gelanggang

- (i) Pemimpin negara harus berani menghadapi fitnah orang luar demi mempertahankan maruah negara. Khabar angin tentang keburukan negara kita mampu mempengaruhi minda rakyat. Kita haruslah berani membantah kenyataan yang buruk tentang negara kita supaya tidak membinasakan negara sendiri. [Tulis dua isi sahaja.]
- (ii) Kedaulatan negara perlu kita pertahankan untuk mengelakkan negara asing memporak-perandakan negara kita **menerusi** agenda ekonomi dan politik. Selain itu, keamanan dan kemakmuran negara dapat terus dipacu di landasan sebenar **untuk** menjadikan Malaysia sebuah negara maju. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **anafora**, contohnya dalam baris “kita pelihara gelanggang ini dengan kejap penuh hati” dan “kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat”. Selain itu **metafora**, contohnya dalam baris “demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini” dan “agar kecemerlangan tercerna di persada arena”.

Praktis 7 Prosa Tradisional Kepimpinan Melalui Teladan

- (i) Temenggung menyuruh anak buahnya mengambil kisah tentang orang kaya-kaya dan saudagar berkawal mengikut kemampuannya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orang-orangnya berkawal.

- (ii) Apabila Kertala Sari masuk ke dalam kampung, dia terus membaca pustakanya. Kemudian dia berjalan di tengah tengah orang ramai yang berkawal. Selepas itu, dia mencuri harta di rumah orang kaya lalu dibawanya pulang. Akhir sekali isteri orang kaya-kaya itu turut dicabulinya. [Pilih tiga isi sahaja].
- (iii) Jika saya mengetahui seseorang itu suka mencuri dan mencabul orang lain, saya akan segera melaporkan kepada ketua kampung atau pihak polis **untuk** diambil tindakan. Langkah seterusnya, saya akan sentiasa berwaspada apabila bertemu lelaki tersebut **untuk** mengelakkan sebarang kemungkinan buruk yang boleh berlaku. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 8 Cerpen Kaduk, Ayam dan Raja

- (i) Alasan Azam bahawa Kaduk memenangi pertandingan menyabung ayam ialah Kaduk dipaksa bertukar ayam dengan sultan dan dia tidak mungkin membantah kerana bimbang dituduh sebagai penderhaka. Malah Kaduk tidak menandatangani sebarang perjanjian atau MoU untuk mengesahkan pertukaran ayam itu.
- (ii) Hakim berani membawa kes yang melibatkan tanah datuknya ke mahkamah kerana dia tahu, datuknya telah tertipu **dan** hanya di mahkamah membolehkan dia menuntut keadilan. Selain itu, pendidikan yang diterima menyebabkan Hakim sedar bahawa tanah tersebut boleh diambil balik **sekiranya** dia berjaya menyertakan bukti dan hujah yang kukuh ketika di mahkamah. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan daripada petikan ialah **persoalan mengembalikan maruah keluarga yang tercemar**, contohnya Hakim membawa kes tanah datuknya ke mahkamah untuk mengembalikan maruah datuknya yang menjadi ejekan bangsa bertahun-tahun lamanya. Persoalan daripada cerpen pula ialah **persoalan kegagalan akibat salah percaturan**, contohnya Hakim gagal meraih keuntungan dalam penternakan ayam kerana wangnya habis untuk perbelanjaan pengurusan disebabkan kesilapannya dalam percaturan sejak awal memulakan perniagaan.

Praktis 9 Cerpen Munsyi

- (i) Penulis berasa sedih apabila melihat rumah Munsyi musnah dirodok kerana mengenangkan khazanah berharga berupa puluhan buku lama yang dihadiahkan ibu penulis kepadanya. Selain itu, satu-satunya tanah rizab milik bangsa di kota besar akan berpindah kepada tuan-tuan saudagar asing yang bakal mengaut keuntungan di bumi ini.
- (ii) Untuk memastikan tanah rakyat tempatan tidak dijual kepada rakyat negara luar dengan sewenang-wenangnya, kerajaan hendaklah mengetatkan syarat pemilikan hartanah kepada rakyat asing **agar** tanah milik negara kekal menjadi milik rakyat. Selain itu, pemilik asing dilarang daripada membeli tanah **dan** jika untuk tujuan pembangunan, syarikat tempatan hendaklah berkongsi saham dalam perusahaan yang bakal dibangunkan. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Pengajaran daripada petikan ialah **kita hendak bersikap patriotisme**, contohnya penulis berasa sedih apabila mengenangkan tanah anak tempatan bakal terjual kepada saudagar asing untuk tujuan pembangunan. Pengajaran daripada keseluruhan cerpen ialah **kita perlulah hidup berdikari untuk mengubah nasib**, contohnya penulis mahu meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke kota besar untuk meneruskan kehidupan tanpa bergantung pada orang tuanya.

Praktis 10 Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

- (i) Pекedai memujuk penulis agar membeli barangan di kedainya dengan cuba beramah-tamah. Kemudian pekedai memuji penulis dengan mengatakan wajah penulis seperti artis apabila mengenakan cermin mata gelap. Malah pekedai meminta izin untuk melihat warna matanya. [Pilih dua isi sahaja].
- (ii) Apabila kita melancong ke luar negara, banyak pengalaman yang positif menerusi pengamatan boleh kita dimanfaatkan dalam kehidupan sehari-hari **menyebabkan** kita menghargai negara sendiri. Selain itu, kita dapat melahirkan rasa bangga terhadap tanah air sendiri yang aman, **menyebabkan** kita berusaha mengekalkan kehidupan masyarakat yang harmoni. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Perwatakan daripada petikan ialah **penulis seorang yang berhemat dalam berbelanja**, contohnya penulis membeli jaket dari kedai terpakai untuk digunakan sepanjang penulis melancong dari satu negara ke satu negara yang lain. Perwatakan daripada cerpen ialah **seorang yang mempunyai nilai kemanusiaan**, contohnya penulis bercadang menjual jaket kulit yang dibeli di Turki dan berhasrat wang tersebut didermakan di mana-mana zoo yang mempunyai kandang kijang sebagai tanda muhibah terhadap kijang yang telah dibunuh.

Praktis 11 Drama Berkhidmat untuk Negara

- (i) Alasan Aiman agar tidak berterusan didesak oleh Nek Sinah ialah dia belum mahu makan. Seterusnya dia mahu menunggu kakaknya, Dapnia pulang untuk makan bersama-sama.
- (ii) Jika ibu bapa kita sibuk dengan kerjaya dan aktiviti seharian, sebagai anak kita perlu berfikir positif; kesibukan mereka bertujuan mencari nafkah **untuk** memastikan hidup kita lebih selesa. Selain itu, segala permasalahan seperti kesunyian dan berasa diri tidak dihargai hendaklah dibawa berbincang dengan ibu bapa kita **untuk** mencari jalan penyelesaian. [Dua isi dengan ayat yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].
- (iii) Persoalan daripada drama ialah **persoalan kesibukan keluarga menyebabkan anak merasakan dirinya tidak dipedulikan**, contohnya keluarga Aiman begitu sibuk menyebabkan Aiman terasa tidak dipedulikan. Persoalan daripada keseluruhan drama ialah **persoalan ketegasan ayah demi kebaikan anak**, contohnya Khir Ghazali tegas dengan keputusannya agar anaknya menyertai PLKN demi masa depan anaknya yang lebih baik.

BAHAGIAN 4 PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

PRAKTIS SOALAN 3(a) MORFOLOGI

Praktis 1

1. Dinding rumah pam itu rosak disebabkan oleh **akar** (bahagian bawah tumbuhan, biasanya di dalam tanah) pokok sena telah menjalar ke bahagian rumah tersebut.
Jamsari sedar bahawa **akar** (asal usul, asal keturunan) dirinya sebagai seorang Cina walaupun tidak fasih berbahasa Cina sejak lahir.
2. **Alam** (lingkungan yang meliputi golongan atau kumpulan orang atau hidupan) Melayu merujuk kepada pengaruh kebudayaan dan linguistik orang Melayu yang merangkumi sebahagian besar negara-negara di Asia Tenggara.
Bencana **alam** (dunia, bumi) yang berlaku kebanyakannya disebabkan oleh kerakusan manusia mengaut keuntungan dengan meratakan bukit-bukau atas alasan pembangunan.
3. Setiap hari Pak Yassin akan bangun **awal** (sebelum waktu yang biasa) untuk solat berjemaah di surau berdekatan rumahnya.
Sejak **awal** (permulaan sesuatu jangka waktu) April 2015 semua barang dan perkhidmatan telah dikenakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Praktis 2

1. Remaja itu ditangkap oleh polis kerana menggunakan plat pendaftaran kereta **palsu** (tidak benar).
Datin Rohani meminta tukang kebunnya mengalihkan **pasu** (tempat mengisi bunga) bunga di halaman rumah ke tepi pagar.
2. Semasa pulang berhari raya di kampung, Naim telah mendapat kemalangan menyebabkan tulang **rusuk** (bilah-bilah tulang dari tulang belakang ke tulang dada) Naim patah.
"Kamu **tusuk** (barang yang runcing lagi tajam untuk mencucuk seperti jarum dan penyemat) pin itu dengan cermat agar tudung kamu tidak rosak," kata Lyza kepada Nana.
3. Adik sungguh **seronok** (perasaan yang menyenangkan) apabila diberitahu bahawa ayah akan membawa kami bercuti ke Korea pada bulan Julai nanti.
Remaja hari ini suka memakai pakaian yang tidak **senonoh** (tidak manis dipandang) kerana terlalu mengikut peredaran fesyen dari Barat tanpa memikirkan kesesuaiannya dengan budaya Timur.

Praktis 3

1. "Tolong mak **hantar** (bawa) kuih ini ke rumah nenek," pinta ibu kepada Nurain.
2. Shaiful telah membuat **hantaran** (kiriman) jambangan bunga ros kepada isterinya sempena hari jadi isterinya.
3. Khalil **menghantar** (mengiringkan / membawa) anaknya ke sekolah pada setiap hari sebelum ke tempat kerja.
4. **Gerak** (denyut) nadinya berhenti sebaik sahaja bekalan oksigen dikeluarkan daripada mulutnya.
5. **Gerakan** (usaha, kegiatan) membanteras penyeludupan dadah ke negara ini memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjayakannya.
6. Setiap pagi ibu akan **menggerakkan** (mengejutkan) adik agar bangun dan mandi dengan segera untuk ke sekolah.

Praktis 4

1. **Jangka masa** (tempoh waktu) menyiapkan lebu raya itu agak lama kerana terpaksa merentasi bukit-bukau dan hutan yang tebal.
2. Projek penanaman kelapa itu merupakan rancangan **jangka panjang** (memakan masa yang lama) Hakim untuk memajukan tanah penduduk kampungnya.
3. Mata Aiman hanya boleh melihat dari **jarak dekat** tetapi tidak dapat melihat dari jarak jauh selepas kemalangan tempoh hari.
4. **Jasa baik** (khidmat bakti) Puan Atiqah memelihara anak-anak gelandangan berjaya menyedarkan masyarakat tentang nasib golongan yang hidup merempat dan tiada tempat tinggal.
5. “Mengapa kamu **jual murah** (menjual barang dengan potongan harga yang banyak) sangat semua baju itu?” Tanya Ratna kepada rakannya, Aisyah.
6. **Jiran tetangga** (tinggal berhampiran dengan rumah seseorang) Pak Abu terkejut apabila mengetahui Pak Abu telah meninggal dunia seorang diri pagi ini kerana malam tadi dia bersama-sama penduduk kampung bersolat jemaah di surau.

PRAKTIS SOALAN 3(b) SINTAKSIS

Praktis 5

- | | | |
|---------------------|-------------------|---------------------|
| 1. Frasa Nama | 3. Frasa Kerja | 5. Frasa Sendi Nama |
| 2. Frasa Sendi Nama | 4. Frasa Adjektif | 6. Frasa Nama |

Praktis 6

1. Ikan dan daging dibeli oleh Kamilia di pasar pada setiap hari Ahad.
2. Dua ekor kambing telah disembelih oleh Daniel untuk majlis akikah anaknya.
3. Baju kurung ibu akan saya jahit minggu ini.
4. Tudung ciptaan pereka terkenal itu dibeli oleh Laily secara dalam talian.
5. Keputusan peperiksaan yang cemerlang telah awak peroleh baru-baru ini.
6. Barangan makanan didermakan oleh jutawan produk kecantikan itu ke rumah kebajikan pada setiap bulan Ramadan.

Praktis 7

1. Adam menendang bola sehingga melepasi pintu gol pihak lawan.
2. Wahida telah menyertai pertandingan melukis kartun sempena Hari Kanak-kanak Sedunia semalam.
3. Kamu telah melanggar kereta orang kurang upaya di Jalan P.Ramlee.
4. Ibu saya menanam keledak di kebun belakang rumah kami.
5. Saya telah mencuci semua pakaian sebelum pergi bekerja.
6. Pak Wahab menerima menantu berbangsa Jerman itu setelah dipujuk oleh isterinya.

Praktis 8

1.
 - (i) Hantu tidak dapat dilihat oleh manusia dan sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu.
 - (ii) Hantu yang cantik dipanggil langsuir dan yang bersaiz kecil dikenali sebagai toyol sementara/serta yang berbungkus dikenali sebagai pocong.
 - (iii) Seiring kemajuan teknologi dalam bidang fizik hantu dikatakan boleh dilihat melalui alat frekuensi hantu.
2.
 - (i) Masa hadapan tenaga nuklear berasaskan uranium kelihatan samar kerana bekalan uranium tidak mampu memenuhi keperluan masa hadapan.
 - (ii) Pilihan terbaik, memproses semula bahan api nuklear terpakai tetapi kesan ini dapat meningkatkan risiko dan kebimbangan terhadap peningkatan senjata nuklear.
 - (iii) Oleh itu, kekurangan uranium pada masa depan dapat ditampung dengan mengekstrak uranium daripada air laut.

Praktis 9

1.
 - (i) Hobi merupakan aktiviti pada masa senggang.
 - (ii) Hobi memenuhi ketenangan jiwa.

- (iii) Hobi memberikan manfaat dari segi kesihatan.
- (iv) Terdapat pelbagai hobi bermanfaat.
- (v) Terdapat pelbagai hobi digemari oleh remaja zaman sekarang seperti melayari Internet.
- (vi) Melayari Internet membolehkan mereka berkomunikasi dari jarak jauh.

2.

- (i) Kebolehan untuk fokus semasa belajar memerlukan banyak latihan.
- (ii) Kebolehan untuk fokus semasa melakukan sebarang kerja memerlukan banyak latihan.
- (iii) Bagi membuatkan anda lebih mudah fokus perlu memilih lokasi yang sesuai.
- (iv) Bagi membuatkan anda lebih mudah fokus perlu kurang gangguan persekitaran.
- (v) Jangan risau jika anda gagal fokus.
- (vi) Aktiviti ini sebahagian daripada latihan untuk anda berjaya fokus.

Praktis 10

Ifah menyatakan kekagumannya dengan sikap masyarakat di situ.

Nazifah menanyakan sebab Ifah kagum terhadap mereka.

Ifah menyuruh Nazifah melihat bangunan-bangunan di situ dan menjelaskan bahawa semuanya bangunan lama, unik dan masih kukuh.

Nazifah juga bersetuju dan menambah bahawa di situ tiada sebuah pun bangunan berbentuk moden.

Nazifah menambah lagi bahawa dia mendapati semua bangunan di situ tidak setinggi bangunan di Malaysia.

Ifah mencadangkan agar mereka mencontohi sikap penduduk di situ dan memulihara bangunan lama agar generasi akan datang mengenali seni bina warisan bangsa.

Praktis 11

Zul bertanyakan Low masa untuk mereka mula berlatih bermain badminton.

Low memberitahu bahawa mereka perlu menunggu Cikgu Kumar memanggil mereka untuk berlatih.

Namun, Zul menyatakan bahawa Cikgu Kumar masih berkursus sehingga akhir bulan itu.

Low sedia maklum tentang ketiadaan Cikgu Kumar tetapi sekiranya mereka berlatih sendiri, mereka tidak dapat belajar teknik bermain yang terkini.

Zul menyatakan kerisauannya kerana pertandingan peringkat daerah semakin hampir.

Low juga mengakuinya lantas mengajak Zul berlatih pada petang tersebut.

Praktis 12

“Bila nenek kamu meninggal?” tanya Dinie kepada Irfan.

“Pagi tadi, selepas solat Subuh,” jawab Irfan.

“Terkejut saya, baru minggu lepas saya jumpa dan dia kelihatan sihat,” terang Dinie.

“Betul, dia masih sihat walaupun umurnya dah 80 tahun, tapi dah ajalnya,” jelas Irfan.

“Oh, begitu! Alhamdulillah dia meninggal dalam keadaan baik,” balas Dinie.

“Ya, alhamdulillah, moga roh nenek saya mendapat rahmat daripada Allah,” doa Irfan.

Praktis 13

LIZA: Jangan bising ya, adik sedang tidur.

KHIR: Baiklah, tapi boleh Khir tengok TV, kakak?

LIZA: Boleh dik, tapi jangan kuat sangat suara TV tu.

KHIR: Khir janji tak buat bising tapi boleh kakak ambilkan Khir air bergas?

LIZA: Adik ni, banyak sangat minum air bergas, pagi tadi sudah minum air bergas!

KHIR: Khir janji lepas ni tak minta air bergas lagi.

Praktis 14

- | | | |
|-----------------------------|-------------------------------|---------------------------|
| 1. Ayat perintah (larangan) | 4. Ayat seruan | 6. Ayat penyata |
| 2. Ayat penyata | 5. Ayat perintah (permintaan) | 7. Ayat perintah (silaan) |
| 3. Ayat tanya | | 8. Ayat seruan |

Praktis 15

1. Ayat tunggal/ayat penyata
2.
 - (i) kerana
 - (ii) dan
3.
 - (i) Berwarna coklat kekuning-kuningan bulu kepaknya.
 - (ii) Burung merbah perut kuning menyebarkan biji benih cili burung ke tempat lain menerusi cara ini.
4. Burung merbah perut kuning gemar memakan buah cili api yang sedang masak.
Burung merbah perut kuning gemar memakan buah cili burung yang sedang masak.

PRAKTIS SOALAN 3(c) EJAAN DAN IMBUHAN

Praktis 16

1. Ipar duai sepatutnya **Ipar-duai**
ziarahi sepatutnya **menziarahi**
2. penal sepatutnya **panel**
dipertikai sepatutnya **dipertikaikan**
3. Kontrektor sepatutnya **kontraktor**
bayar sepatutnya **membayar**
4. tembak menembak sepatutnya **tembak-menembak**
serah sepatutnya **menyerah**
5. proQatar sepatutnya **pro-Qatar**
disokong sepatutnya **menyokong**
6. otomobil sepatutnya **automobil**
jual sepatutnya **jualan**

PRAKTIS SOALAN 3(d) KATA ATAU ISTILAH DAN TATABAHASA

Contoh Soalan dan Jawapan

1. pesta sepatutnya **projek**
tadi pagi sepatutnya **pagi tadi**
2. aktiviti sepatutnya **majlis**
teramat meriah sekali sepatutnya **amat meriah sekali/amat meriah/meriah sekali**
3. di akhir sepatutnya **pada akhir**
kehancuran sepatutnya **kemusnahan**
4. ketinggian sepatutnya **kenaikan**
ramai orang sepatutnya **orang ramai**
5. dibeli oleh saya sepatutnya **saya beli**
baju sepatutnya **buku**
6. mini bas sepatutnya **bas mini**
di hujung minggu sepatutnya **pada hujung minggu**

Praktis 17

1. banyak kapal-kapal terbang sepatutnya **banyak kapal terbang**
perjalanan sepatutnya **penerbangan**
2. dari sepatutnya **daripada**
motivasi sepatutnya **nasihat**
3. Tiap sepatutnya **Tiap-tiap/Setiap**
anugerah sepatutnya **sumbangan**
4. apa sepatutnya **apa-apa**
dibekal sepatutnya **dibawa**
5. Engkau sepatutnya **Encik**
membincangkan tentang sepatutnya **membincangkan**
6. berbagai sepatutnya **berbagai-bagai**
ilmu sepatutnya **pendidikan**

PRAKTIS SOALAN 3(e) PERIBAHASA

Praktis 18

1.
 - (i) lembu punya susu, sapi dapat nama
 - (ii) belakang parang kalau diasah nescaya tajam
 - (iii) alah bisa tegal biasa
2.
 - (i) Pelarian Syria yang menaiki kapal itu terlalu ramai, tidak ubah **seperti ikan dalam belat**. (keadaan yang terlalu sesak)
 - (ii) Walaupun Balqis sering disindir oleh ibu tirinya dan disuruh membuat kerja-kerja rumah, namun dia tetap tabah **seperti air dalam kolam**. (orang yang tenang sikap dan tingkah lakunya)
 - (iii) Kebanyakan pekerja asing di negara ini sentiasa bekerja dari pagi sampai lewat petang dan pada hujung minggu jika disuruh kerana ingin mengumpul duit yang banyak seperti peribahasa **bagai lebah menghimpunkan madu**. (pekerja yang sangat rajin)
3.
 - (i) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
 - (ii) tempat jatuh lagi dikenang
 - (iii) sekali air bah, sekali pasir berubah
4.
 - (i) Seperti baung kena tukul – bunyi suara orang yang merungut kerana tidak puas hati
 - (ii) Ke langit tak sampai, ke bumi tak terjejak – pekerjaan yang terbengkalai
 - (iii) Membaca jambatan ilmu – tabiat membaca dapat membantu kita menambahkan ilmu pengetahuan

LATIHAN MIRIP SPM 2019

Praktis 1

- a)
 - (i) “Saya mahu kamu **kaji** (pengetahuan mengenai sesuatu) punca berlakunya tanah runtuh di kondominium tersebut,” kata pensyarah kepada kami.
Perbuatan **keji** (hina, sangat buruk) murid yang mendera rakannya sehingga menyebabkan kematian tidak dapat dimaafkan oleh sesiapa pun.
 - (ii) “Jangan **kecam** (kritik/bidas/cela) peminta sedekah itu sesuka hati kamu,” kata Samy kepada Syed.
Pada zaman darurat, pihak Komunis sangat **kejam** (tidak berperikemanusiaan) kerana telah membunuh ramai orang awam yang tidak menyokong perjuangan mereka.
 - (iii) “Kaki saya akan berasa **kebas** (berasa kaku/semut-semutan pada anggota) sekiranya duduk terlalu lama di atas lantai,” kata Ani kepada Zaleha.
“Tolong **kibas** (bergerak-gerak ke atas ke bawah) dahulu cadar itu sebelum kamu tidur di atas katil,” pesan kakak kepada adik Hanis.
- b) Masyarakat Cina sangat minat meminum teh.
Masyarakat Cina sering melayani sahabat handai dengan minuman teh.
Sebenarnya pokok teh berasal dari tanah besar China.
Masyarakat Cina dahulukala menggunakan teh dalam perubatan tradisional Cina.
Daun teh merupakan keperluan dalam dunia kehidupan masyarakat Cina.
Kini daun teh dijadikan pelbagai jenis minuman teh.

c)

Ejaan		Imbuhan	
Salah	Betul	Salah	Betul
minima	minimum	bertingkat	meningkat
pencipta	Pencipta	menakjub	menakjubkan
mata hari	matahari	berputar	putaran

d)

- (i) mayat-mayat sepatutnya **mayat**
bertaburan sepatutnya **bergelimpangan**

- (ii) menjerit sepatutnya **meratap**
di antara sepatutnya **antara**
 - (iii) menghadaikan ibu sepatutnya **menghadiahi ibu**
seutas sepatutnya **seurat**
- e)
- (i) Bagai tikus jatuh ke beras
 - (ii) Seperti dihiris dengan sembilu
 - (iii) Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing

Praktis 2

- a)
- (i) Kalau kita hendak membantu orang biarlah dengan **ikhlas** (hati yang bersih dan jujur/rela) kerana kita akan mendapat balasan yang baik atas sikap kita yang baik.
 - (ii) Semua buku yang diterbitkan akan memuatkan ikhtisar (ringkasan/pendapat/pandangan ringkas tentang sesuatu) berkaitan dengan buku tersebut untuk memudahkan pembaca memahami isi kandungannya.
 - (iii) Setiap kali perhimpunan rasmi sekolah, ketua murid akan membaca **ikrar** (pengakuan, janji yang bersungguh-sungguh) yang akan diikuti oleh semua murid.
 - (iv) **Identiti** (keperibadian) sesuatu bangsa boleh dikenal pasti dari segi bahasa, makanan, dan adat resam yang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.
 - (v) Remaja hari ini mesti dididik dengan sempurna untuk menggantikan para **intelektual** (golongan terpelajar/cendekiawan) yang ada hari ini untuk memajukan negara pada masa hadapan.
 - (vi) Masyarakat Melayu masih mengekalkan **istiadat** (resam/peraturan atau cara melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan) berina dalam sesuatu majlis perkahwinan.
- b)
- (i) Bilakah berlakunya kemalangan yang menimpa keluarga Razak?
 - (ii) Di manakah lokasi kondominium mewah yang dibeli oleh Izzuddin?
 - (iii) Bagaimanakah keadaan bumbung rumah Amylia semasa hujan lebat semalam?
 - (iv) Siapakah yang telah menyertai Larian Sukan Sea 2017?
 - (v) Bilakah jalan raya menuju Kuala Lumpur sesak?
 - (vi) Siapakah yang diberi kaunseling oleh kaunselor sekolah?
- c)
- (i) Penempatan sepatutnya **Pempatan**
makan sepatutnya **makanan**
 - (ii) juru latih sepatutnya **jurulatih**
rumah sepatutnya **perumahan**
 - (iii) definasi sepatutnya **definisi**
mengguna sepatutnya **menggunakan**
- d)
- (i) adalah sepatutnya **ialah**
intensif sepatutnya **inisiatif**
 - (ii) Semua orang murid sepatutnya **Semua murid**
pusat sepatutnya **tapak**
 - (iv) goreng nasi sepatutnya **nasi goreng**
merasakan sepatutnya **meningkatkan**
- e)
- (i) Orang susah yang baru memperoleh kesenangan.
 - (ii) Apabila menyedari bahawa kita telah melakukan kesilapan, kita hendaklah insaf dan berusaha membetulkannya.
 - (iii) Dua orang yang bersaudara tidak boleh dipisahkan oleh perselisihan.

Praktis 3

- a)
- (i) “Saya **agak** (sangka) awak akan sampai lewat, jadi saya tidur dulu,” beritahu Jai kepada Fendi.
“Rempah yang perlu digunakan untuk memasak rendang kambing itu **agak-agak** (kemungkinan/anggaran) berapa banyak?” tanya Siti kepada Lily.
 - (ii) “**Bukan** (tidak) baju itu yang dipilih oleh ayah tetapi baju yang berwarna biru ini,” beritahu Aiman kepada ibunya.
“Jangan buat perangai yang **bukan-bukan** (tidak munasabah) di tempat orang,” pesan ayah kepada abang saya sebelum bertolak ke Jepun.
 - (iii) Zalila telah merajuk dan merantau **entah** (tidak tahu) ke mana-mana selepas dipaksa berkahwin dengan seorang duda oleh ibu bapanya.
“Man, **entah-entah** (barangkali) tembakan kau tadi tidak mengena sebab aku tak dengar sebarang bunyi,” kata Fadil kepada Azman.
- b)
- (i) “Aktiviti sukan” (FN) “meningkatkan kesihatan mental dan fizikal” (FK). Jawapan **FN + FK**
 - (ii) “Bahasa Melayu” (FN) “bahasa pengantar bagi semua institusi pendidikan awam” (FN). Jawapan **FN + FN**
 - (iii) “Liyana dan keluarganya” (FN) “ke Alor Star” (FSn). Jawapan: **(FN) + (FSn)**
- c)

Ejaan		Imbuhan	
Salah	Betul	Salah	Betul
menyinsing	menyingsing	ada	berada
fasal	fasa	saksikan	menyaksikan
digembeleng	digembleng	tercabar	mencabar

- d)
- (i) demi untuk sepatutnya **demi atau untuk** (salah satu sahaja)
seru sepatutnya **kata**
 - (ii) Ahli sepatutnya **Peserta**
dari pagi hingga ke petang sepatutnya **dari pagi hingga petang**
 - (iii) Medan Bakar Ikan sepatutnya **Medan Ikan Bakar**
sihat sepatutnya **segar**
- e)
- (i) Kehidupan Nadiyah **bagai puyu di air jernih** apabila mewarisi segala harta ibu bapanya yang kaya-raya kerana dia merupakan anak tunggal.
 - (ii) Aqilah tidak suka membazir membeli barang-barang yang mewah, sebaliknya dia sangat cermat dan berhati-hati menggunakan wang gajinya bak kata peribahasa **air digenggam tiada tiris**.
 - (iii) Segala nasihat guru hanya sia-sia **seperti mencurah air ke daun keladi** kerana Asraf tidak mengendahkan nasihat itu malah kekal dengan sikap malas belajar.

Praktis 4

- a)
- (i) Kebanyakan **harga** (nilai barang dengan kiraan wang) barang meningkat naik sejak cukai perkhidmatan kerajaan diperkenalkan.
 - (ii) Kita mestilah **menghargai** (memberi penghormatan, pujian, sanjungan) jasa pemimpin dahulu yang telah berjuang membebaskan negara kita daripada penjajah.
 - (iii) Semua peserta tilawah al-Quran peringkat antarabangsa diberi **penghargaan** (penghormatan) oleh Perdana Menteri Dato’ Seri Najib bin Abdul Razak.
 - (iv) Ketam nipah itu masih **hidup** (terus bernyawa) walaupun telah satu jam berada di dalam kereta saya.
 - (v) Masyarakat orang asli dahulukala bergantung sepenuhnya pada alam sekeliling mereka untuk menyara **kehidupan** (perihal hidup) seharian.
 - (vi) Sukar untuk **menghidupkan** (membuat supaya hidup/tumbuh dan membesar) pokok-pokok dari negara beriklim sejuk di negara kita yang panas dan lembap sepanjang tahun.

- b)
- (i) Di kantin sekolah beramai-ramai mereka memasak bubur lambuk.
 - (ii) Sebaik-baik sahaja menerima berita kejayaannya dalam pertandingan itu Alea tersenyum.
 - (iii) Jika kita berbudi bahasa semua orang akan menyenangkan kita.

- c)
- (i)
 - (a) calon sepatutnya **calon**
 - (b) didaftar sepatutnya **pendaftaran**
 - (ii)
 - (a) menempoh sepatutnya **menempuh**
 - (b) capai sepatutnya **mencapai**
 - (iii)
 - (a) dasyat sepatutnya **dahsyat**
 - (b) musnahkan sepatutnya **memusnahkan**

d)

Kata atau Istilah		Tatabahasa	
Salah	Betul	Salah	Betul
pertunjukan	penganjuran	pada	kepada
agamawan	ilmuan	di dalam	dalam
pusat berhenti	pusat sehenti	para-para penggiat	para penggiat

- e)
- (i) Anak dipangku dilepaskan, beruk di hutan disusukan
 - (ii) Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
 - (iii) Sebatang kara

Praktis 5

- a)
- (i) Kamarul mendapat nombor **akhir** (paling kemudian) untuk menyampaikan lagu dalam Pertandingan Nyanyian Kilauan Bintang 2019. Pertandingan **akhir** (sebagai penamat) memasak dan menggubah bunga akan diadakan di sebuah hotel terkenal minggu hadapan.
 - (ii) Pekerja **asing** (berasal dari negara lain) yang tiada permit kerja akan ditangkap oleh pihak berkuasa untuk dihantar pulang ke negara asal. Cara Tok Mat memasak daging agak **asing** (tidak seperti yang biasa dilakukan) bagi kami kerana dia memasukkan daging ke dalam buluh dan dimasukkan ke dalam tanah yang berisi bara api.
 - (iii) Semua barang berharga diletakkan di bahagian **atas** (tempat atau paras paling tinggi) almari ketika air banjir memasuki rumah kami. Kapal terbang yang baru berlepas itu diarahkan mendarat di lapangan terbang semula **atas** (berdasarkan, berasaskan) sebab-sebab keselamatan penumpang.
- b)
- (i) Manusia berlumba-lumba menguasai teknologi terkini kerana ingin menunjukkan kelebihan masing-masing.
 - (ii) Suatu ketika teknologi satelit menjadi keutamaan negara maju tetapi kecanggihan teknologi satelit ada hadnya.
 - (iii) Kini teknologi dron diperkenalkan dan teknologi ini lebih canggih malah pesawat tanpa juruterbang ini dikendalikan dari tempat lain.
- c)
- (i) melacong sepatutnya **melancong**
kebun sepatutnya **berkebun**
 - (ii) cafeteria sepatutnya **kafeteria**
diurus sepatutnya **diuruskan**
 - (iii) sosio ekonomi sepatutnya **sosioekonomi**
didikan sepatutnya **pendidikan**

- d)
- (i) kita sepatutnya **dia**
tersangat cantik sekali sepatutnya **cantik sekali**
 - (ii) dari sepatutnya **daripada**
hujung sepatutnya **muda**
 - (iii) ke ibu bapanya sepatutnya **kepada ibu bapanya**
dibuat sepatutnya **diduduki/diambil**
- e)
- (i) bagai bulan jatuh ke riba
 - (ii) makan angin
 - (iii) ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi/bagaimana acuan begitulah kuihnya

Praktis 6

- a)
- (i) Adik Latif bekerja sebagai **jaga** (orang yang berkawal) di bangunan itu sejak berumur 25 tahun lagi.
Pokok orkid memerlukan **penjagaan** (perbuatan menjaga) yang rapi kerana sering diserang kulat atau serangga.
 - (ii) “Saya **janji** (kesediaan untuk berbuat) tidak akan bermain di tepi lombong itu lagi,” kata adik kepada ibu.
Pihak Inggeris dan Belanda telah membuat **perjanjian** (persetujuan yang dibuat antara dua pihak) untuk menguasai kawasan tertentu antara tanah jajahan mereka di Nusantara.
 - (iii) “Kami **jumpa** (menemui sesuatu) telur-telur ini di tepi kolam berhampiran pokok mangga,” beritahu Samy kepada Cikgu Khalil.
Sekolah itu telah mengadakan **perjumpaan** (berkumpul atau berhimpun dalam mesyuarat) dengan komuniti setempat untuk membantu sekolah menangani masalah murid ponteng sekolah.
- b) “Bagaimana pendapatan hasil jualan ayam ini?” tanya Wani kepada Zul.
“Alhamdulillah, lumayan juga kerana setiap hari orang makan ayam,” jawab Zul.
“Dari mana kamu dapat bekalan ayam hidup setiap hari?” tanya Wani lagi.
“Setiap pukul 4:00 pagi saya akan ke pasar borong untuk membeli ayam yang dibawa oleh pembekal dari ladang,” jawab Zul.
“Oh, begitu! Awal pagi lagi kamu dah mula bekerja, tentu penat?” tanya Wani.
“Begitulah cara saya mencari rezeki, penat itu adatlah, apa-apa kerja yang kita buat tentulah penat,” balas Zul.
- c)
- (i) berupa sepatutnya **merupakan**
bumiputra sepatutnya **bumiputera**
 - (ii) gang sepatutnya **geng**
dibantu sepatutnya **bantuan**
 - (iii) agong sepatutnya **agung**
merasmi sepatutnya **dirasmikan**

d)

Kata atau Istilah		Tatabahasa	
Salah	Betul	Salah	Betul
mengetuai	menerajui	di masa	pada masa
ketinggian	kecemerlangan	daripada	dari
aset	insan	agar supaya	agar

- e)
- (i) Mendapat keuntungan tanpa disangka-sangka
 - (ii) Orang yang lemah melawan orang yang kuat
 - (iii) Orang yang gemar menunjukkan kebesaran dirinya

Praktis 7

- a)
- (i) Ramai nelayan mendapat pendapatan tambahan setelah mengambil **agar-agar** (sejenis lumut laut) di dalam laut untuk dijual sebagai makanan kesihatan dan kecantikan.
Kami suka makan **agar-agar** (sejenis kuih) santan yang dibuat oleh Mak Teh setiap kali kami datang ke rumahnya.
 - (ii) Adam sering kali dimarahi oleh gurunya kerana latihan yang dibuat **alang-alang** (tidak sungguh-sungguh) sahaja.
Ibu terkejut kerana bukan **alang-alang** (sedikit atau kurang) wang yang telah dibelanjakan oleh abang tetapi ratusan ringgit dalam tempoh seminggu.
 - (iii) Pengurus syarikat itu memperlakukan pekerja bawahannya seperti **orang-orang** (patung atau boneka) sahaja tanpa memberi kebebasan untuk bersuara.
Orang kampung akan meletakkan **orang-orang** (patung menakutkan burung) di tengah sawah apabila musim padi masak untuk mengelakkan tikus padi atau burung memakan padi mereka.
- b)
- (i) Azmi membeli lima kilogram beras untuk kenduri doa selamat anaknya.
 - (ii) Majlis bandaran memberikan tapak perniagaan kepada peniaga dan pengusaha kecil tanpa sebarang yuran sepanjang bulan Ramadan.
 - (iii) Kamu perlu memeriksa kereta itu dengan teliti untuk mengelakkan sebarang masalah.

c)

Ejann		Imbuhan	
Salah	Betul	Salah	Betul
semulajadi	semula jadi	dikeliling	dikelilingi
Walaupun bagaimanapun	Walau bagaimanapun	penunjuk	menunjukkan
di pikul	dipikul	menghijau	menghijaukan

- d)
- (i) lain-lain hal sepatutnya **hal-hal lain**
dewan sepatutnya **mesyuarat**
 - (ii) tolong-menolong sepatutnya **gotong-royong**
banyak kes-kes sepatutnya **banyak kes**
 - (iii) resmi sepatutnya **rasmi**
cintakan negara sepatutnya **cinta akan negara**
- e)
- (i) Bagai isi dengan kuku (sangat karib)
 - (ii) Menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak (bersikap bijaksana dalam menyelesaikan masalah)
 - (iii) Beraja di hati, bersultan di mata (menuruti kehendak hati sendiri)

Praktis 8

- a)
- (i) Raja telah memerintahkan **algojo** (tukang pancung) untuk membunuh pesalah itu sebelum waktu Subuh.
 - (ii) Pengembara itu telah meminta kebenaran Raja untuk menulis **babad** (sejarah, riwayat) keturunan baginda sebagai hadiah kepada baginda.
 - (iii) Pak Edi, adik ibu suka memakai **capal** (sejenis terompah) setiap kali dia ke masjid atau ke surau.
 - (iv) Radio swasta yang menjadi kegemaran remaja itu menyambut ulang tahun **dasawarsa** (sepuluh tahun) penubuhannya.
 - (v) Tentera Siam telah terperdaya dengan **elat** (tipu daya) yang dilakukan oleh pahlawan Melaka yang bijaksana.
 - (vi) Ustaz memberitahu kami bahawa dunia ini **fana** (tidak kekal) dan kita akan pergi ke alam lain yang lebih kekal selepas mati.
- b)
- (i) Tenunan songket Terengganu amat berkualiti sehingga dieksport ke luar negara.
 - (ii) Hadi menjual buah durian di kebunnya setiap kali musim durian.

(iii) Sekolah saya menghantar atlet untuk pertandingan peringkat daerah.

c)

- (i) ambil sepatutnya **mengambil**
matapelajaran sepatutnya **mata pelajaran**
- (ii) kuewtiau sepatutnya **kuetiau**
makanan sepatutnya **makan**
- (iii) perkerja sepatutnya **pekerja**
stesyen sepatutnya **stesen**

d)

Kata atau Istilah		Tatabahasa	
Salah	Betul	Salah	Betul
siapa	sesiapa	di dalam	dalam
wacana	wahana	Ini demikan kerana	Hal ini demikian kerana
pertapa	betapa	kedua	dua

e)

- (i) nasi telah menjadi bubur
- (ii) malang tidak berbau
- (iii) sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna